

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN
NARRASHID [KOTA TINGGI]**

SOALAN:

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]
minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan sejauh manakah keberkesanan khidmat sokongan
pemasaran petani koko dalam melahirkan petani berpendapatan tinggi.**

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Khidmat Sokongan Pasaran Domestik (KSPD) telah diwujudkan oleh Lembaga Koko Malaysia (LKM) bertujuan untuk:

- i. Memudahkan pemasaran hasil biji koko oleh para pengusaha kecil;
- ii. Memastikan pengusaha kecil mendapat harga yang berpatutan dan mengurangkan kegiatan orang tengah yang menawarkan harga yang tidak kompetitif; dan
- iii. Membantu pekebun kecil meningkatkan kualiti biji koko yang dihasilkan agar dapat meraih pendapatan yang berpatutan.

Sebagai contoh, sekiranya harga semasa biji koko kering di pasaran ialah RM8.50 sekilogram, LKM melalui program KSPD akan membeli daripada petani pada harga RM8.20 sekilogram, di mana RM0.30 dikenakan sebagai kos penghantaran kepada pengisar. Walau bagaimanapun, sekiranya ada pembeli koko kering yang sanggup membayar harga yang tinggi, pekebun-pekebun koko boleh menjual terus kepada pembeli tanpa bantuan dari pihak LKM.

Sejak tahun 2011 melalui KSPD, kuantiti dan nilai pemasaran biji koko adalah seperti berikut:

TAHUN	KUANTITI (TAN METRIK)	NILAI (RM)
2011	162.67	1,312,520.00
2012	276.64	1,818,930.93
2013	261.03	1,558,496.48
2014	184.53	1,508,080.47
JUMLAH	884.87	6,198,027.88

Secara purata, setiap petani koko mampu menghasilkan 1.5 hingga 2 tan biji koko kering bagi setiap hektar dengan pulangan sebanyak RM12,450 hingga RM16,600 setahun. Mengambil kira kos pengeluaran adalah sekitar RM4,500 hingga RM6,000, pekebun koko mampu mendapat pendapatan bersih sebanyak RM 7,950 hingga 10,600 setahun. Sekiranya pekebun koko mempunyai tanaman seluas 4 hektar, pendapatan bersih bulanan pekebun koko mampu mencecah RM 2,600 hingga RM3,533 sekaligus menzahirkan hasrat Kerajaan bagi membantu melahirkan pekebun yang berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]

SOALAN :-

Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan suatu mekanisme yang dapat memantau serta menghapuskan sistem kartel di dalam industri perumahan yang melibatkan pihak pemaju, agen, peguam dan bank, yang selama ini telah memainkan spekulasi agar harga rumah kediaman menjadi terlalu tinggi sehingga membebankan rakyat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, istilah kartel didefinisikan sebagai persatuan, pengeluar atau pengusaha sesuatu barangan untuk menguasai pasaran contohnya seperti mengawal harga sesuatu barangan. Sehubungan itu, sistem kartel dalam isu perumahan adalah merujuk pada tindakan kumpulan-kumpulan tertentu yang wujud di dalam pasaran hartanah di negara ini dan mereka ini yang menjadi salah satu punca peningkatan dan penetapan harga rumah yang lebih tinggi. Sehingga kini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) masih belum menerima sebarang aduan secara rasmi beserta bukti-bukti kukuh mengenai hal ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mewujudkan satu mekanisme terancang untuk membendung kenaikan harga rumah akibat dari kegiatan spekulasi seperti:-

- i) Meningkatkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);
- ii) Meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM1 juta;
- iii) Meningkatkan ketelusan harga jualan hartanah di mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang diberikan kepada pembeli;
- iv) Melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri Developer Interest Bearing Scheme (DIBS).

Bagi menangani pembelian hartanah secara pukal (*en bloc*), Kementerian ini telah mengenakan syarat baharu dalam permit iklan dan jualan. Syarat baru ini mewajibkan pemaju untuk mendaftarkan nama pembeli bagi penjualan secara pukal iaitu melebihi 4 unit rumah dengan kementerian ini.

Selain itu, kementerian ini akan terus memantau dan menguatkuasakan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 untuk membendung kegiatan yang tidak diingini ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]

SOALAN :-

**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan Kementerian bercadang
untuk membuat satu mekanisme baru dalam pemberian lesen khas untuk
kedai membeli emas dan surat pajak gadai yang beroperasi tanpa lesen.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum berhasrat untuk memberi lesen khas kepada kedai membeli emas dan surat pajak gadai yang beroperasi tanpa lesen pada masa ini. Ini disebabkan telah wujud perundangan khusus bagi mengawal selia perniagaan jual beli emas yang berasingan daripada perniagaan pajak gadai di negara ini. Untuk perniagaan pajak gadai, ia tertakluk kepada Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] dan Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, emas merupakan satu barangan yang boleh dipajakkan oleh mana-mana individu di premis pajak gadai berlesen untuk mendapat pembiayaan. Dalam hubungan ini, adalah menjadi tanggungjawab pemegang pajak gadai berlesen berkenaan untuk memastikan pajakan (emas) tersebut sentiasa dilindungi dan disimpan selamat. Manakala subseksyen 16(3), Akta 81 pula menetapkan premis

(kedai) pajak gadai berlesen hanya boleh menjalankan urusan niaga pajak gadai sahaja. Larangan ini adalah satu tindakan pencegahan daripada berlakunya penyelewengan dalam perniagaan pajak gadai iaitu penjualan barangan emas yang masih belum matang tempoh pajakannya serta pelupusan barangan pajakan emas yang tidak ditebus dalam tempohnya tanpa melalui proses lelongan sepertimana ketetapan Seksyen 23, Akta 81.

Selain itu untuk turut menjaga kepentingan pemajak, surat (tiket) pajak tidak boleh dijual beli atau dijadikan sandaran untuk mendapatkan pembiayaan lain. Ini kerana surat pajak adalah merupakan pembuktian bahawa barangan yang dipajakkan tersebut adalah merupakan hak milik mutlak seseorang pemegang surat pajak berkenaan selaras dengan ketetapan seksyen 30, Akta 81. Ini kerana mana-mana individu yang mengemukakan surat pajak tersebut kepada kedai pajak berlesen yang berkaitan boleh menebus atau melanjutkan tempoh pajakan asal. Untuk itu, pemajak yang kehilangan surat pajak asal masing-masing, adalah dinasihatkan supaya memohon daripada pemegang pajak gadai berlesen berkaitan akan salinan catatan dalam bukunya mengenai pajakan itu,

mengikut ketetapan seksyen 21, Akta 81 bagi mengelakkan perkara tidak diingini seperti penebusan dan penjualan barang pajakan tanpa pengetahuan hak milik yang sah.

Berdasarkan kepada keterangan di atas, Kerajaan berpendapat tiada keperluan untuk mewujudkan sebarang mekanisme bagi melesenkan premis perniagaan pajak gadai yang beroperasi secara haram (tanpa lesen) kerana perundangan sedia ada adalah memadai serta dapat menjamin dan melindungi kepentingan pemajak dan barangan pajakan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN
DARIPADA MOHD HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah statistik penyalahgunaan visa oleh pelajar asing di Malaysia dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah mekanisme pemberian visa kepada pelajar-pelajar asing supaya isu penyalahgunaan dapat dipantau secara menyeluruh.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan statistik yang diterima daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada tahun 2013 seramai 1,390 pelajar antarabangsa ditangkap melibatkan kesalahan tinggal lebih masa dan melanggar syarat pemberian pas pelajar.

Bagi memastikan pelajar antarabangsa yang benar-benar tulen dan layak sahaja melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan, mereka akan disaring sebelum dan selepas memasuki negara ini. Justeru itu, warganegara asing yang memasuki negara menggunakan Pas Lawatan Sosial tidak lagi akan dipertimbangkan untuk mendapat Pas Pelajar.

Pemantauan terhadap pelajar antarabangsa didokong bersama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JIM. Secara amnya, permohonan kemasukan pelajar antarabangsa ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) akan disaring melalui tiga (3) peringkat iaitu saringan ke atas pelajar antarabangsa, saringan oleh IPTA yang dipilih dan saringan oleh JIM. Manakala, *Education Malaysia Global Services* (EMGS) sebagai pusat sehenti (*one stop centre*) akan memproses dan membuat saringan kesahihan dokumen permohonan pelajar antarabangsa ke institusi pengajian tinggi swasta sebelum diperaku kepada JIM untuk pengeluaran pas pelajar.

Namun, sekiranya mereka terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang setelah memasuki Malaysia dan mendapat stiker pas, ia tertakluk kepada *Standard Operating Procedure* (SOP) agensi penguatkuasaan seperti PDRM, KDN dan JIM. Selain daripada itu, PDRM dan JIM boleh mengambil tindakan secara terus sekiranya IPT didapati cuai di dalam proses mengurus dan memantau pelajar-pelajar antarabangsa yang berdaftar dengan IPT tersebut.